



## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

---

Jumaat, 10 April 2020  
Untuk Siaran Segera

### KENYATAAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

#### TAJUK: FASA KETIGA PELEPASAN KARGO DI PELABUHAN MULAI 13 - 15 APRIL 2020

---

Melihat kepada keberkesanan proses pelepasan kontena-kontena di pelabuhan utama negara sepanjang fasa kedua operasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), maka Kementerian Pengangkutan mendapati bahawa operasi ini perlu diteruskan menerusi pelaksanaan fasa ketiga.

Operasi pelepasan kargo ini akan bermula pada hari Isnin, 13 April 2020 hingga Rabu, 15 April 2020 bagi memastikan tidak timbul isu kesesakan di semua pelabuhan utama negara berikutan pelanjutan PKP sehingga 28 April 2020 sebagaimana yang diumumkan YAB Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini.

Kerja-kerja pelepasan kargo fasa ketiga ini adalah mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) sepertimana yang digariskan sebelum ini untuk rujukan pengendali-pengendali pelabuhan berkaitan serta diperluaskan kepada Pelabuhan Klang, Johor, Pulau Pinang, Kuantan, Melaka, Bintulu dan Padang Besar yang bersempadan dengan Thailand. SOP sama turut dikongsikan kepada pelabuhan-pelabuhan yang dimiliki oleh kerajaan negeri masing-masing.

Sebelum ini, kerja-kerja pelepasan kargo telah dijalankan pada akhir bulan Mac dan awal April 2020. Ia terbukti berkesan dalam usaha mempercepatkan pergerakan kargo di pelabuhan-pelabuhan yang sesak. Pergerakan kargo ke destinasi akhir adalah sangat penting bagi

memastikan rantaian bekalan barang keperluan asas kepada rakyat tidak terganggu sepanjang tempoh PKP.

Ruang kapasiti di pelabuhan-pelabuhan utama seperti Pelabuhan Klang, Pulau Pinang dan Johor telah hampir kepada tahap maksima dan sekiranya tidak ditangani dengan segera maka ianya berupaya membantutkan pembekalan barang keperluan di seluruh negara.

Langkah-langkah pelepasan barang ini juga selari dengan Peraturan-Peraturan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 2) 2020 sejak PKP Fasa Kedua dikuatkuasakan dari 1 - 14 April 2020.

Dalam fasa kedua operasi pelepasan kargo sebelum ini, statistik kesesakan bagi bahagian import di kebanyakan pelabuhan menunjukkan penurunan antara 40% - 60% daripada ruang kapasiti mereka. Hanya ruang kapasiti di Pelabuhan Johor, Pasir Gudang dan Pelabuhan Klang (Barat) sahaja yang masih berada tahap tinggi iaitu hampir 70%. Manakala statistik secara keseluruhan bagi bahagian eksport di pelabuhan adalah lebih rendah iaitu 40% daripada ruang kapasiti maksima.

Kementerian Pengangkutan akan terus mengawasi kesesakan di pelabuhan-pelabuhan di seluruh negara semasa PKP ini dan akan menggandakan operasi pelepasan kargo di pelabuhan sekiranya perlu. Kementerian juga sentiasa berhubung dengan pemain-pemain industri termasuk pengendali pelabuhan, pengangkut barang, syarikat pengangkutan dan pelbagai pihak lain yang terlibat dalam urusan logistik serta pengangkutan untuk memastikan kelancaran operasi seluruh sektor.

Sebarang aduan / pertanyaan mengenai MOT boleh e-mel ke [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my), WhatsApp ke 019-2907723 atau layari laman web khusus (microsite) di pautan <http://cccovid19.mot.gov.my/>. Juga boleh hubungi talian Hotline MOT : 1800-88-7723 (8am-8pm) atau Pusat Pengurusan Operasi Negara, Majlis Keselamatan Negara, di talian 03-88882010.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG  
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA  
10 APRIL 2020**

- TAMAT -